



Jasin tumpu ekopelancongan



**Eksklusif
MHI**

Liana Sahabudin
Foto MR Azli

JASIN - Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) akan menaiktaraf 11 produk ekopelancongan di daerah itu menjadi tarikan utama pengunjung dari dalam dan luar negara.

Yang Dipertua Datin Sapiah Haron berkata, daerah Jasin sememangnya sesuai dijadikan kawasan ekopelancongan kerana mempunyai kekayaan sumber alam semula jadi flora dan fauna.

"Di Jasin kita menitberatkan produk ekopelancongan yang mana majoritinya di sini adalah kawasan pertanian, jadi kita kena 'upgrade' kawasan berkaitan dengan pertanian.

"Ada banyak tempat pelancongan menarik boleh dikunjungi antaranya Laman 3 Budaya di kaki Gunung Ledang, Bukit Langsat, Bukit Batu Lebah, Laman Belia Sungai Rambai, Pantai Siring dan Gunung Melaka (Bukit Gapis).

"Semua produk ini kita akan dinaik taraf dari semasa ke semasa untuk memastikan keindahan serta tarikannya terus kekal," katanya dalam Wawancara Khas bersama Melaka Hari Ini (MHI) di pejabatnya di sini, 8 Sept lalu.

Jelasnya, bagaimanapun pihaknya sedang memfokuskan kerja-kerja menaiktaraf Pantai Siring yang menjadi tumpuan pelancong ketika ini.

Fokus utama katanya



SAPIAH

MPJ fokus naik taraf produk ekopelancongan



PANTAI Siring yang terletak di Serkam merupakan antara lokasi ekopelancongan yang akan dinaik taraf oleh pihak MPJ.

adalah tarikan pelancong di Pantai Siring, yang mana akan dilengkapi kemudahan akses jalan yang lebih baik, termasuk susun atur semula pembangunan di situ.

"Jangkaan kerja naik taraf bermula tahun depan

yang mana sekarang kita dalam proses pengambilan tanah.

"Selain itu, kita ada air terjun di Gunung Melaka dan MPJ sedang mempromosi kawasan tersebut yang didapati menjadi kegemaran pa-

sangan pengantin merakamkan detik bahagia di situ.

"Sekarang dalam proses membuat balik pengambilan tanah di mana kita akan membuat fasiliti tertentu seperti pintu gerbang, jalan masuk yang lebih sempurna,

surau, tandas dan lain-lain," katanya.

Katanya daerah Jasin mempunyai banyak sumber-sumber semula jadi seperti hutan simpan, sungai, paya bakau dan kawasan pertanian.

Lesen 'segera' bantu peniaga, penjaja di Jasin

MPJ mewujudkan insiatif pemberian lesen segera perniagaan bagi membantu penjaja serta peniaga kecil di kawasan tersebut.

Datin Sapiyah Haron berkata,

peniaga yang memohon tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan lesen, malah diberikan diskaun sebanyak 50 peratus.

"Penjaja boleh niaga di kawa-

san yang bersesuaian dan selamat, kalau mereka mohon untuk niaga kita akan berikan lesen segera yang mana dalam tempoh satu ke dua jam lesen itu akan siap.

"Lesen juga pihak kami (MPJ) bagi pengurangan 50 peratus, peniaga hanya perlu bayar belasan ringgit mengikut tempoh perniagaan yang ditetapkan peniaga di kawasan itu, bagi yang menjalankan perniagaan makanan pula, mereka perlu ada suntikan tifoid," katanya.

Katanya, penjaja yang tiada lesen hanya perlu mengisi borang diberikan penguatkuasa MPJ dan akan dihantar bagi tujuan pemberian lesen segera.

"MPJ akan turun padang dengan segera dengan mengadakan pertemuan dengan penjaja yang tiada lesen, kita akan bawa borang untuk peniaga terbabit, kemudian borang akan diisi dan hantar dengan kadar segera, selepas itu sudah boleh peroleh lesen perniagaan sah."

"Setakat ini di daerah Jasin, terdapat seramai 1,318 peniaga serta penjaja, 80 peratus daripada mereka telah pun lengkap suntikan vaksin dan hanya sekitar 200 lebih belum terima vaksin," katanya.



PENIAGA kecil serta penjaja dalam pentadbiran MPJ ditawarkan lesen segera perniagaan dan diberikan diskaun 50 peratus.

WAKTU SOLAT						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13 SEPTEMBER 2021	5:56 am	7:04 am	1:10 pm	4:11 pm	7:12 pm	8:21 pm
14 SEPTEMBER 2021	5:55 am	7:03 am	1:09 pm	4:10 pm	7:12 pm	8:21 pm
15 SEPTEMBER 2021	5:55 am	7:03 am	1:09 pm	4:09 pm	7:12 pm	8:20 pm
16 SEPTEMBER 2021	5:55 am	7:03 am	1:08 pm	4:08 pm	7:11 pm	8:20 pm
17 SEPTEMBER 2021	5:55 am	7:02 am	1:08 pm	4:08 pm	7:11 pm	8:20 pm
18 SEPTEMBER 2021	5:54 am	7:02 am	1:08 pm	4:08 pm	7:10 pm	8:19 pm
19 SEPTEMBER 2021	5:54 am	7:02 am	1:07 pm	4:08 pm	7:10 pm	8:19 pm



Selamat menyambut
Hari Kebangsaan
&
Hari Malaysia 2021



Ikhlas Daripada,

YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali
Ketua Menteri Melaka

LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA



Pembangunan baharu

Lebih 158,000 penduduk Jasin bakal dapat manfaat

Liana Sahabudin

LEBIH 158,000 penduduk di daerah Jasin bakal menerima manfaat menerusi pembangunan baharu di bawah Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035.

Datin Sapiah Haron berkata, kajian itu mengambil kira keperluan sesuatu kemudahan dan juga permintaan penduduk terhadap perumahan yang dapat dibuat.

"Sektor itu meliputi fizikal, ekonomi dan sosial, pertanian, perumahan, industri, komersil, pengangkutan, infrastruktur dan utiliti, pelancongan dan kemudahan awam sehingga 2035."

"Rancangan tempatan merupakan satu dokumen yang mengan dungi peta dan kenyataan bertulis disokong dengan garis panduan yang menerangkan lebih terperinci mengenai pemajuan dan penggunaan tanah di kawasan pentadbiran MPJ," katanya.

Ujarnya, sebahagian besar daerah Jasin merupakan kawasan tada-

han air, maka kajian itu perlu mengambil kira aspek kawalan dari segi pemajuan bagi memastikan sumber itu dapat dijaga dengan baik.

"Kajian ini juga membantu kita dalam menentukan hala tuju pembangunan di kawasan MPJ dengan menandakan kawasan pembangunan perumahan, komersial, industri dan pertanian."

"Kita akan turun padang berjumpa dengan masyarakat untuk tanya pendapat mereka apa yang mereka mahu dan adakah ianya mengikut kesesuaian."

"Penduduk mahukan infrastruktur yang lebih baik, perkhidmatan jalan raya, kemudahan yang lebih baik serta produk yang boleh menaikkan nama Jasin," katanya.

Setakat ini daerah Jasin menjadi tumpuan pelabur dari dalam dan luar negeri seperti pembinaan kilang kaca (Xinyi Glass), Scientex Sdn Bhd (pembangunan bercampur lebih 1,000 ekar) dan Parkland Sdn Bhd (pembangunan bercampur Bandar Botani Parkland).



PEMBANGUNAN sektor ekonomi merupakan antara yang bakal dinikmati oleh penduduk daerah Jasin.

Kompleks Sukan Jasin bakal dibina tahun hadapan

KOMPLEKS Sukan Jasin bakal dibina tahun hadapan bagi memberi kemudahan kepada orang ramai melakukan aktiviti sukan.

Datin Sapiah Haron berkata, pembinaan kompleks itu menggunakan peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

"Kita mendapat peruntukan berjumlah RM8 juta yang diuruskan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka dan kompleks itu dijangka siap dalam tempoh lapan bulan ke setahun."

"Antara kemudahan disediakan seperti auditorium, gelanggang sukan dan lain-lain fasiliti sama seperti Stadium Mini Jasin sedia ada," katanya.

Menurutnya, stadium mini sedia ada akan dinaik taraf bagi memberi lebih keselesaan kepada orang ramai.

"Kita akan naik taraf pada mengikut spesifikasi ditetapkan termasuklah trek larian dan lampu-lampu di stadium."

"Peruntukan kita mohon sebelum ini sekitar RM5 juta, dengan inisiatif ini sudah pasti kita dapat menarik penggemar sukan menggunakan stadium ini di masa akan datang," katanya.

Peruntukan kita mohon sebelum ini sekitar RM5 juta, dengan inisiatif ini sudah pasti kita dapat menarik penggemar sukan menggunakan stadium ini di masa akan datang //

INFO MAJLIS PERBANDARAN JASIN

- Keluasan:** 63,415.1 hektar
Merupakan daerah terbesar iaitu 41.47 peratus daripada keluasan Melaka, Alor Gajah (40.48%), Melaka Tengah (18.05%).

- Jumlah kawasan industri:** 11 kawasan



- Jumlah taman perumahan:** 182 kawasan



- Jumlah IPTA & IPTS:** 6 buah



- Jumlah penduduk:** 158,800 orang (2020)



- Jumlah rumah ibadat Islam (masjid & surau):** 240 buah



- Jumlah rumah ibadat bukan Islam (tokong, kuil & gereja):** 67 buah



- Jumlah Sekolah menengah & rendah:** 110 buah

- Jumlah kawasan pelancongan:** 22 kawasan

Tanah terbiar ditanam tanaman kontan – Ghazale

Liana Sahabudin

PENDUDUK kampung di Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim perlu mempraktikkan konsep pertanian kontan bagi mendapatkan sumber pendapatan tambahan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Wira Ghazale Muhammad berkata, setakat 6 September lepas, kira-kira 101.2 hektar tanah terbiar di DUN itu telah diusahakan dengan tanaman kontan seperti sayur-sayuran.

"Di DUN Rim kita ada 121.4 hektar tanah terbiar, tapi 250 ekar (101.2 hektar) daripadanya kita usahakan sebagai kawasan pertanian tanaman sayur-sayuran."

"Dulu di sini banyak kawasan sawah, tapi bila sistem pengairan kurang baik sawah tak menjadi, jadi daripada terbiar saya galakkan mereka untuk hasilkan tanaman kontan."



GHAZALE

"Siapa yang ada kawasan kosong kita usahakan dengan masyarakat setempat, dia akan sewa tanah dan usahakan jadi kawasan pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui MHI di JAPERUN Rim di sini, baru-baru ini.

Ghazale berkata, hasil sayur-sayuran terbabit telah pun dipasarkan ke Pasar Besar Melaka dan di Tangkak, Johor.

"Bila kita bangunkan tanah-tanah terbiar dengan tanaman kontan, sekarang kita dapat bekalkan sayuran kepada penduduk setempat sampai ke Pasar Besar Melaka dan Tangkak."

"Memang kita galakkan tanaman ini kerana ia mampu memberi sumber pendapatan tambahan kepada mereka yang mengusahakannya," katanya sambil memaklumkan terdapat kira-kira 40,000 penduduk di DUN itu.



ZALEH (kanan) bersama Skuad Sayang Wanita Jasin menyampaikan bantuan kit makanan kepada 'frontliner' di Dewan Alamanda, Jasin, baru-baru ini

Bantu rakyat tangani tekanan

Farah Suhaidah Othman

SEPANJANG pandemik COVID-19, ramai individu terkesan dari segi emosi dan fizikal kerana mengalami masalah seperti dibuang kerja selain kegagalan rumah tangga.

Menyederinya, Wanita UMNO Melaka menganjurkan ceramah dan taklimat kepada rakyat yang mengalami kedua-dua masalah itu secara maya baru-baru ini.

Naib Ketuanya Datuk Zaleha Bujang berkata, Wanita UMNO mengambil inisiatif itu sebagai usaha membantu orang ramai untuk menangani tekanan dengan baik.

Beliau yang juga Ketua Wanita UMNO Bahagian Jasin berkata, akibat tekanan yang membengelu, ada kalangan masyarakat mengalami gangguan mental dan fizikal kerana tidak tahu kaedah sesuai untuk menanganinya.

"Memandangkan sebelum ini Melaka menjalani Fasa 1 Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) yang tidak membenarkan kita menganjurkan sebarang program, Wanita UMNO Cawangan Jasin melakukannya secara maya menerusi Google Meet.

"Setakat ini, program berkenaan telah berlangsung dua kali iaitu di kawasan Jasin dan Hang Tuah Jaya dengan penyertaan lebih kurang 20 hingga 30 peserta," katanya ketika dihubungi MHI.

Zaleha berkata, selain itu, pihaknya turut mengambil inisiatif turun padang untuk memasak dan mengagihkan makanan kepada petugas barisan hadapan yang berkorban masa dan tenaga memberi perkhidmatan melindungi rakyat.

"Menerusi Skuad Sayang Wanita Jasin, kita hantar makanan kepada 'frontliners' supaya ia sedikit sebanyak dapat meringankan beban dan meng-

harga jasa mereka.

"Kita juga membantu Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan masing-masing untuk mengagihkan kit makanan kepada keluarga yang dijangkiti COVID-19."

"Kita juga mewujudkan tabung kebajikan untuk membantu mangsa COVID-19 dan keluarga yang terjejas banjir sekiranya berlaku musibah itu," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata sebagai usaha untuk menggalakkan rakyat mengambil vaksin, pihaknya turut membantu orang ramai terutama warga emas dan penduduk di kawasan pedalaman mendaftar program vaksinasi.

Jelasnya, pada masa sama, UMNO Cawangan Jasin turut menjalankan program daftar pengundi kepada masyarakat di kawasan pedalaman dan individu yang belum mendaftar sebagai pemilih.

APA kata MEREKA

"Jasin perlu perluaskan lagi aktiviti pertanian sektor pelancongan untuk memberi pengalaman kepada pelancong untuk merasai sendiri aktiviti pertanian."

- Suri rumah,
Kamaliah Maim, 65



"Saya harap dapat tambahbaik fasiliti internet seperti wujudkan 'hotspot' bagi penggunaan WiFi secara percuma yang berkelajuan tinggi, kerana ia menjadi satu keperluan asas buat semua masyarakat hari ini."

- Penjawat awam,
Rozer Masudin, 33



"Kalau boleh tambah baik rangkaian liputan internet sebab sekarang pelajar banyak belajar dari rumah kadang-kadang tertinggal apa yang diajar oleh pensyarah, jadi kami memerlukan akses internet yang lebih laju".

- Pelajar, Muhammad Haiqal Nafi Zakaria, 22

"Di sini kami kurang kemudahan pengangkutan awam, kadang tu nak tunggu teksi atau bas perlu ambil masa dua hingga tiga jam, jadi kami harapkan akses pengangkutan awam ni dapat ditambahbaik lagi".

- Peniaga,
Muhammad Firdaus Hashim, 22



Dana Bantuan Kasih Niaga

446 usahawan terima RM446,000

SERI NEGERI - Kerajaan negeri menyalurkan peruntukan Dana Bantuan Kasih Niaga berjumlah RM446,000 kepada 446 usahawan Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, peruntukan itu diluluskan menerusi pengumuman Belanjawan 2021 yang dibentangkan pada akhir tahun lalu yang keseluruhannya berjumlah RM1 juta.

Katanya, peruntukan itu diberikan bagi menyemarakkan budaya keusahawanan dalam kalangan rakyat Melaka supaya berdaya saing pada musim pandemik COVID-19.

"Menerusi inisiatif ini kerajaan negeri telah menerima sebanyak 1,287 permohonan membatikan 781 permohonan pada fasa satu dan selebihnya 506 pada fasa dua.

"Daripada jumlah permohonan diterima, sebanyak 446 permohonan dalam fasa satu diluluskan melibatkan peruntukan RM446,000 setakat Ogos lalu.

"Setiap individu mahupun syarikat diberikan sebanyak RM1,000 dan kelulusan permohonan mengikut daerah, Melaka Tengah sebanyak 115, Jasin (155), Alor Gajah (47) dan Masjid Tanah (129)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan penyampaian replika cek Dana Bantuan Kasih Niaga



SULAIMAN (dua kiri) menyerahkan replika cek kepada penerima, Yusof Mamud (kanan) sambil disaksikan Kamel (kiri) dan Norhizam (dua kanan) pada pelancaran Dana Bantuan Kasih Niaga di Seri Negeri pada 7 Sept lepas.

di pejabatnya di Kompleks Seri Ben-dahara, di sini pada 7 Sept lepas.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ts Kamel Mohamad dan Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Menurut Sulaiman, sebahagian permohonan yang diluluskan telah diterima dan disalurkan ke dalam akaun penerima masing-masing.

"Manakala 554 lagi permohonan masih dalam pertimbangan dan akan diluluskan dalam masa terdekat.

"Permohonan yang masih dalam

pertimbangan itu kemungkinan ada maklumat atau dokumen yang tidak lengkap.

"Justeru itu, kita minta usahawan terbabit mohon bersabar kerana kerajaan negeri sedang memperhalusi permohonan masing-masing dan apabila lengkap, kita akan me-

nyalurkan terus ke dalam akaun penerima," katanya.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata sekiranya ada permohonan baharu yang diterima, pihaknya akan meneliti semula kemampuan kewangan kerajaan negeri untuk meluluskan permohonan baharu itu.

Inisiatif vaksin COVID-19

Boleh 'walk in' tanpa janji temu di PPV awam

Faiz Hasan

SERI NEGERI – Suntikan vaksin COVID-19 secara terus dibuka kepada semua individu warganegara dan bukan warganegara 18 tahun ke atas di negeri ini, mulai 11 Sept.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, warganegara yang belum menerima tarikh janji temu dibenarkan hadir ke mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam dan PPV Mega Stadium Hang Jebat dan Stadium Jasin bagi menerima suntikan vaksin secara 'walk-in'.

Bagaimanapun katanya, bukan warganegara pula hanya dibenarkan mendapatkan perkhidmatan itu di PPV Mega Stadium Hang Jebat, Krubong dan PPV Mega Stadium Jasin.

"Mereka yang belum menerima tarikh temu janji disarankan menerima vaksin secara 'walk in'



SULAIMAN

dan perlu mendaftar di dalam aplikasi MySejahtera.

"Bagaimanapun, mereka yang belum mendaftar untuk vaksinasi atau yang tidak mempunyai telefon pintar juga dibolehkan untuk 'walk in' untuk di-daftarkan di PPV.

"Setiap individu perlu membawa kad pengenalan atau sebarang dokumen pengenalan diri, telefon pintar yang berdaftar dengan MySejahtera serta dokumen berkaitan penyakit kronik jika ada.

"Suntikan hanya ditawarkan dari jam 8.30 pagi hingga 4 petang," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan pada 10 Sept lepas.

Sulaiman berkata, langkah diambil kerajaan negeri itu bagi memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di negeri ini mampu mencapai imuniti kelompok dengan lebih berkesan.


"Sehingga kini, seramai 69,972 orang daripada 677,400 populasi

dewasa berumur 18 tahun ke atas di Melaka masih belum menerima vaksin COVID-19.

"Dengan kemudahan terba-

haru ini, kerajaan negeri berharap Melaka dapat mencapai liputan 100 peratus golongan dewasa menerima vaksin, seterusnya dapat

beralih kepada fasa seterusnya dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan lebih awal," katanya.



95 peratus penggiat pelancongan Melaka telah divaksin

AYER KEROH – Melaka sedia untuk membuka kembali pintu pelancongan selepas lebih 95 peratus penggiat industri itu telah mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin setakat ini.

Exco Pelancongan, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, jumlah itu merangkumi 42,587 daripada keseluruhan 44,829 pemain industri pelancongan di negeri ini dan hanya berbaki kira-kira lima peratus sahaja yang belum menerima janji temu vaksin.

Bagaimanapun, pihaknya menzahirkan keyakinan jumlah 100 peratus dapat dicapai sebelum Melaka beralih ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dijangka selewat-lewatnya Oktober depan.

"Sekarang kita sedang merangka persiapan ke arah Fasa 3 PPN yang mana fokus utamanya ialah kepada pelancongan domestik terlebih dahulu."

"Selepas ini, ini kita akan menghidupkan semula pakej-pakej pelancongan yang ada dan mungkin sesetengah dari padanya kita akan jenamakan semula."

"Jadi, hari ini kita telah beri sijil pengesahan vaksinasi yang mana kita nak pastikan semua penggiat industri pelancongan terutamanya pekerja-pekerja hotel, kedai makan, pusat pelancongan telah lengkap divaksinasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Sijil Pengesahan Dos Suntikan Vaksin Lengkap kepada Penggiat Industri Pelancongan Melaka di pekarangan pejabatnya di Seri Negeri, 9 September lalu.

Hadir sama, Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) negeri, Yeow Chin



MUHAMMAD Jailani (dua kiri) menunjukkan sijil dan 'button badge' yang akan dipakai di setiap premis pelancongan di negeri ini.

Chai, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka, Sa'ari Basiron dan Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Hari Ini Sdn Bhd, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid.

Mengulas lanjut, Muhammad Jailani berkata, pihaknya juga akan mewajibkan kesemuanya tempat tumpuan pelancong di negeri ini untuk menggantungkan kain rentang dan sijil lengkap vaksinasi di premis masing-masing.

Tegasnya, mana-mana premis yang enggan berbuat demikian tidak akan dibenarkan beroperasi.

"Sijil-sijil ini kita akan berikan secara

berperingkat dengan fokus utama ialah kepada hotel dan restoran berhampiran hotel.

"Selain itu, kita juga akan pastikan 15 destinasi yang akan dibuka terlebih dahulu seperti Menara Taming Sari, Sungai Melaka, Zoo Melaka, muzium-muzium, pantai peranginan dan lain-lain, pekerja-jaya mesti lengkap vaksinasi sebelum pembukaan."

"Setiap pekerja itu juga akan dipakaikan 'button badge' tertulis 'I'm Vaccinated' bagi memberi keyakinan kepada pelancong yang hadir ke negeri ini," katanya lagi.

Pelancongan Melaka kembali bernafas

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Usaha kerajaan negeri memastikan semua penggiat industri pelancongan divaksin sebelum pintu pelancongan dibuka dilihat mula menerima tempahan.

Ia apabila beberapa produk dan premis pelancongan di negeri ini sudah mula menerima tempahan daripada pelancong domestik.

Hal itu diakui Presiden Persatuan Homestay Negeri Melaka, Datuk Akramuddin Abdul Aziz yang memaklumkan setakat ini inap desa (homestay) di negeri ini sudah mula menerima 30 peratus tempahan daripada pelancong luar Melaka.

Katanya, tempahan itu dijangka akan terus meningkat menjelang hujung tahun ini dengan pihaknya menyasarkan lebih 80 peratus peningkatan tempahan akan berlaku.

"Alhamdulillah setakat ini 30 peratus tempahan telah kita terima dan Insya-Allah dari minggu ke minggu ia akan terus meningkat dan menjadi buatan memandangkan sudah 95 peratus penggiat industri pelancongan di negeri ini telah menerima vaksin."

"Saya percaya apabila memasuki November dan Disember nanti iaitu

apabila Melaka memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN), semua produk pelancongan di negeri ini tidak akan menang tanan untuk menerima semula kehadiran pelancong.

"Apapun, terima kasih diucapkan kepada kerajaan negeri di bawah kepimpinan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di atas inisiatif yang dilakukan untuk memastikan penggiat industri lengkap divaksin," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Sijil Pengesahan Dos Suntikan Vaksin Lengkap kepada Penggiat Industri Pelancongan Melaka di Seri Negeri.

Akramuddin memaklumkan, sehingga kini, kesemua 135 ahli Persatuan Homestay Negeri Melaka telah lengkap dua dos vaksin dan sedang menjalankan persediaan awal sebelum menerima semula pelancong ke negeri ini sedikit masa lagi.

Antara langkah yang ditetapkan, ujarnya ialah kesemua inap desa di negeri ini wajib mempunyai alat sanitasi sendiri supaya dapat memastikan premis

disanitasi setiap masa setiap kali menerima pengunjung baharu.

Sementara itu, Persatuan Agensi Kembara Pelancongan (MATTA) Melaka turut mengakui telah bersedia untuk menerima kembali kehadiran pelancong selepas lebih 80 peratus ahlinya lengkap menerima dua dos vaksin.

Wakil MATTA Melaka, Sam Then Yeong Kong bagaimanapun meminta kerajaan menyediakan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas untuk sektor pelancongan bagi mengelakkan situasi carca marba berlaku selepas ia dibenarkan semula nanti.

"Penggiat pelancongan negeri ini termasuk pengusaha dan peniaga tidak mahu situasi seperti sebelum ini berulang lagi yang mana SOP yang ditetapkan tidak jelas dan memeningkan."

"Jadi, kita harap SOP baharu nanti lebih jelas dan tidak lagi berubah-ubah bagi memastikan sektor pelancongan di negara ini dapat kembali beroperasi mengikut norma baharu tanpa sebarang gangguan," ujarnya.



SAM THEN YEONG KONG



DAK MAT

Pelancongan Melaka bangkit

KESAN kerosakan industri pelancongan Melaka akibat pandemik COVID-19 sangat besar.

Jika tahun lalu saja kehadiran pelancong menurun melebihi 70 peratus, tahun ini bagaimana pula?

Dengan pelbagai usaha memulihkan pelancongan belum dapat dilaksanakan, ada kemungkinan impaknya lebih besar tatkala 2021 berbaki kurang lebih tiga bulan.

Mat cukup sedih apabila melihat banyak kedai-kedai, hotel dan pusat beli-belah di pusat bandar ditutup sebelum ini.

Pelancongan sebagai 'nadi' Melaka perlu dipulihkan segera demi kepentingan bersama khususnya penggiat sektor ini.

Seperti kata Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis, penggiat pelancongan Melaka sudah melakukan persiapan rapi untuk beroperasi semula Oktober nanti.

Difahamkan setiap penggiat industri yang telah lengkap dos vaksin akan diberi sijil pengesahan dan wajib memaparkan kain rentang bawahu kesemua pekerja mereka telah lengkap vaksin.

Ini satu inisiatif yang baik kerana dapat meyakinkan pelancong untuk menggunakan perkhidmatan mereka.

Ia juga dapat mempromosikan kepada penggiat industri itu untuk membuka perniagaan mereka dengan mengamalkan normal baru ditetapkan kerajaan.

Kali ini kita tidak boleh retorik. Segala perancangan ditetapkan kerajaan negeri perlu disambut penggiat industri pelancongan dengan segera.

Dak Mat: Rindu naik Menara Taming Sari.

Selesaikan segera isu sijil digital vaksinasi

ISU masih ada individu belum memperoleh sijil digital vaksinasi meskipun sudah melengkapkan dua dos suntikan perlu dipandang serius pihak berkenaan.

Sebab itu Mat setuju sangat bila Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bertegas dalam hal ini.

Difahamkan beliau beri tempoh seminggu untuk Pasukan MySejahtera selesaikan isu sijil digital di aplikasi MySejahtera itu.

Baguslah. Sekarang rakyat memerhati setiap tindakan kerajaan dan agensi berkaitan. Jangan biarkan mereka dapat 'peluru' untuk 'hentam' atas isu tidak sewajarnya.

Bagi Mat, walaupun tidak diketahui berapa ramai individu yang lengkap menerima vaksin belum terima sijil berkenaan, tindakan menangani isu itu mesti disegerakan.

Sekarang makin mudah nak guna, buka saja MySejahtera terpampang maklumat penting termasuk status vaksinasi selain ada butang 'check in' dan 'chech out', berbeza dengan sebelum ini.

Begitu juga pelancaran laman sesawang baharu COVIDNOW mengenai data harian COVID-19 yang lebih telus.

Dak Mat: Kerja bertangguh tidak menjadi, kerja beransur tidak bertahan

Syabas polis! Terus cegah penyeludupan dan pengedaran dadah



SABAN hari kita membaca berita mengenai rampasan dadah oleh polis di seluruh negara.

Daripada sekecil-kecil jumlah dan nilai dadah hingga kepadanya rampasan bernilai jutaan ringgit.

Kejayaan itu bukti keseriusan polis membanteras musuh nombor satu negara termasuk penyeludupan dan pengedaran.

Khamis lalu misalnya, dilaporkan polis menumpaskan sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah terbesar setakat tahun ini batik Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

Seramai 11 lelaki ditahan dan pelbagai jenis dadah bernilai RM34.1 juta dirampas dalam serbuan di tiga negeri itu awal bulan ini.

Di sebalik kejayaan itu timbul isu bagaimana sindiket dadah ini dapat lolos menyeludup dadah dari negara jiran dalam tempoh PKP?

Mat terbaca 1,000 bungkus dadah itu disorok di dalam kotak yang ditutup dengan seluar jeans. Taktik mereka tidaklah canggih mana.

Dak Mat: Dapatkan sifar dadah direalisasikan di negara ini?

APM Alor Gajah tangkap dua 'King Cobra'



SARJAN Faisal (dua dari kiri) dan anggota menunjukkan ular tedung selar ditangkap di Lendu. FOTO ihsan APM Alor Gajah

LENDU - Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Alor Gajah berjaya menangkap dua ular tedung selar atau King Cobra, sepanjang empat meter dengan berat antara empat hingga enam kilogram (kg) pada 9 Sept lepas.

Pegawai Operasi, Bencana dan Logistik Pejabat Pertahanan Awam Daerah (PPAD), Leftenan (PA) Abdul Hadi Baharom berkata,

reptilia berbisa itu ditangkap sebuah inap desa di Lendu dan di dalam longkang di Loji Air Ber-tam, Padang Keladi.

Beliau berkata, ular tedung selar pertama sepanjang 3.96 meter dan seberat enam kilogram (kg) ditangkap pada jam 6 petang.

"Kita menerima panggilan kecemasan daripada pengadu dikenali sebagai Leon, 60,

pada jam 5.27 petang.

"Empat anggota APM diketuai Sarjan (PA) Mohd Faisal Ahmad bergegas ke tempat kejadian dan tiba jam 5.52 petang.

"Tindakan pantas dan kecekapan anggota membolehkan ular itu yang bersembunyi di belakang almari ditangkap menggunakan penjerut dalam masa empat minit saja," katanya

dihubungi di sini.

Beliau berkata, ular itu dipercayai datang dari kawasan kebun kelapa sawit berhampiran.

Sementara itu, Abdul Hadi berkata, dalam operasi berasangan, jam 8 malam semalam, pihaknya berjaya menangkap seekor lagi ular tedung selar seberat empat kg di Loji Air Ber-tam, Padang Keladi.

Katanya, kehadiran ular tedung selar di dalam longkang di loji berkenaan dikesan seorang petugas sebelum menghubungi pihak APM.

"Saya menasihati orang ramai tidak cuba menangkap sendiri haiwan berbisa termasuk ular bagi mengelak bahaya.

"Anggota kami sebaliknya terlatih dalam melakukan tugasannya seumpamanya," katanya.

Sementara itu, Leon berkata, ketika kejadian dia berada di pejabat inap desa itu yang belum beroperasi sejak lebih setahun lalu akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

"Saya sangka biawak tapi terkejut melihat anjing saya menyalak ular tedung selar yang terus menyelinap ke belakang almari.

"Selama ini saya biasa tangkap biawak dan ular kecil di kawasan sekitar, namun melihatkan saiz ular tedung itu yang besar dan panjang, saya terus menghubungi talian 999 untuk bantuan," katanya ketika dihubungi MHI.

Aktiviti perkhemahan ceriakan Pengkalan Balak dan Padang Kemunting

Din Ahmad

TANJUNBG BIDARA - Pantai peranginan Pengkalan Balak dan Padang Kemunting di sini yang sunyi sepi sejak Jun lalu akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, mula diserikan dengan aktiviti perkhemahan pada 10 Sept lepas.

Sejajar Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), aktiviti berkenaan kembali menjadikan pantai itu berteranga dan ceria, selain orang ramai yang membawa keluarga masing-masing untuk beriadah.

Jika sebelum ini situasi di pantai itu sunyi sepi tanpa suara pengunjung dari dalam dan luar negeri ini, kini keadaan semakin ceria dengan suara pengunjung, terutama mereka yang berkhemah.

Bagi pengasas Madrasatul Quran Kampung Seri Tanjung, di sini, Mohd Shah Maslan, 33, kebenaran diberikan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi aktiviti perkhemahan mengikut Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), dimanfaatkan untuk aktiviti riadah 11 pelajar tahfiz.

Katanya, selepas terkurung akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu, hari ini pelajar terbabit diberi peluang untuk beriadah di pantai berkenaan, selain memasak beramai-ramai.

"Alhamdulillah, keadaan semasa semakin baik dan memberi peluang kepada pelajar untuk beriadah di pantai ini."

"Inilah kali pertama saya membawa mereka berkhemah di pantai untuk merasai sendiri kenikmatan beriadah sambil menikmati keindahan alam ciptaan Allah," katanya.

Bagaimanapun, pelajar terbabit sentiasa dipastikan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat bagi mengelak dikenakan kompaun pihak berkuasa, katanya.

Sementara itu, pelajar Hassan Johari, 14, berkata dia teruja berpeluang menikmati keseronokan mandi



MOHD Shah (kanan) ketika mengajar pelajar tahfiz memasang khemah di pantai peranginan Pengkalan Balak, Masjid Tanah pada 10 Sept lepas.

mandi di pantai, selain menghuni khemah yang dipasang sendiri.

"Sebelum ini kami tidak pernah dibawa berkhemah di pantai tetapi hari ini (10 Sept) Alhamdulillah, Allah izinkan kami datang ke sini untuk menyaksikan dan memuji ciptaan Allah.

"Pandemik COVID-19 adalah ujian Allah kepada umat manusia untuk melihat sejauh mana kita bergantung harapan kepada Allah untuk menghadapi ujian yang hebat ini," katanya.

Uwais al-Qorni Mohd Tarmizi, 11, berkata dia tidak pernah menikmati keseronokan berkhemah dan peluang itu dimanfaatkannya untuk menghayati kebersaran dan keagungan Allah menjadikan lautan dan pantai yang indah.

"Kami sama-sama memasang khemah dan membakar ayam untuk makan bersama-sama sambil memuji kebesaran Allah," katanya.

Dia berkata, keindahan pantai berkenaan harus dipelihara sejahtera suruhan Tuhan yang mahukan umat manusia menghargai alam semula jadi dan tidak merosakkannya hanya untuk meraih keuntungan dunia.

Penangan 'selangat' 300kg

TANJUNG BIDARA - "Saya cuma turun ke laut untuk suka-suka mengikut ayah menjaring dan alhamdulillah, Allah kurniakan kami rezeki melimpah-ruah," kata Muhammad Asyraf Mohd Ali, 24, yang teruja menjaring 300 kilogram (kg) ikan selangat pada 8 Sept lepas.

Bekas pelatih Akademi Laut Malaysia (ALAM) di Kuala Sungai Baru itu berkata, dia dan bapanya, Mohd Ali Abu Bakar, 52, turun ke laut pada awal pagi 8 Sept lalu dan selesai membuang jaring setengah jam kemudian.

"Setengah jam selepas itu kami menarik jaring dan saya terkejut apabila mendapat keseluruhan jaring dipenuhi dengan selangat.

"Pada mulanya kami mencuba menanggalkan ikan di tengah laut tetapi terpaksa menarik jaring tanpa menanggalkan ikan kerana ikan terlalu banyak," katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak.

Mereka bernasib baik kerana dibantu beberapa rakan nelayan untuk menanggalkan dan menjual ikan di pangkin pada harga lelong RM10 bagi tiga kg.

Muhammad Asyraf berkata, pada musim hasil tangkapan tidak banyak mereka menjual selangat pada harga RM5 sekilogram tetapi apabila hasil tangkapan mencecah 300 kg, mereka terpaksa menurunkan harga bagi memastikan ia habis dijual.

Sementara itu, Mohd Ali berkata, pada musim angin Monsun Barat Daya atau lebih dikenali dalam kalangan nelayan sebagai 'ribut barat' sekarang, ikan berkenaan bermain di perairan hampir dengan pantai.

"Selangat tidak berenang bersendirian, sebaliknya ia bergerak dalam kumpulan yang besar yang jika terkena pada jaring, kadang kala boleh menyebabkan jaring timbul di permukaan laut kerana sudah terlalu banyak."

"Alhamdulillah, kami amat bersyukur dikurniakan rezeki melimpah-ruah hari ini selepas tiga hari pulang dengan tangan kosong sebelum ini," katanya.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondaine87@
melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76@riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
azren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMARAH SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
faizul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGIKLANAN
NAQUIB TAJUDIN
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanaidris3@gmail.com

SHARIFAH NOROKHALIDAH
SYED KHAIIDZIR
khaiidzir@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENIYARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishakal.zakaria@
melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalizzat@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my



SELAMAT
HARI MALAYSIA
2021



2021



Selulus Ikhlas Daripada



YAYASAN MELAKA

Pengurus Besar, Pengurusan dan
Seluruh Warga Kerja Yayasan Melaka

JAPERUN Kota Laksamana

Bergerak pantas atasi isu rakyat

Norizan Abdul Muhid

KOTA LAKSAMANA - Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Kota Laksamana tidak mahu mengambil pendekatan hanya tunggu dan lihat dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti kepada kira-kira 52,000 penduduknya.

Berdasarkan matlamat itu, Penyelaras DUN Kota Laksamana, Datuk Abidullah Salleh berkata, pihaknya mewujudkan platform media sosial WhatsApp menerusi grup Aduan Warga DUN Kota Laksamana bagi membolehkan penduduk di kawasan itu menyuarakan sebarang masalah bagi tindakan segera oleh pihaknya.

Menurutnya, grup tersebut

but yang diwujudkan sejak empat tahun itu, turut disertai pelbagai agensi pihak berkuasa tempatan antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB).

"Sejak diperkenalkan medium WhatsApp ini, aduan penduduk seperti masalah tekanan air rendah, terputus bekalan makanan dan isu banjir di kediaman mereka dapat disalurkan terus kepada agensi yang berkaitan sekali gus mempercepatkan tindakan susulan.

"Cuma terdapat beberapa masalah atau isu yang memerlukan pelan tindakan jangka panjang misalnya masalah banjir, ia melibatkan kos pelaksanaan yang besar dan

mengambil sedikit masa untuk mengatasinya," katanya ketika ditemui MHI.

Menurut Abidullah, isu banjir di dua lokasi panas dalam DUN Kota Laksamana yang kerap dinaiki air iaitu di Kampung Enam dan Kampung Pengkalan Rama Pantai memerlukan penyelesaian jangka panjang melalui pelaksanaan projek naik taraf Sungai Melaka Fasa Dua.

Ujar beliau, kawasan di situ yang agak padat dengan penduduk selain infrastruktur saliran longkang yang agak lama menyumbang masalah banjir selain kedudukan permukaan paras air sungai yang lebih tinggi dari penempatan penduduk.

Selain pelaksanaan naik taraf Sungai Melaka, katanya, turut dijalankan projek tambatan banjir di Pengkalan Rama Pantai dalam usaha mengatasi masalah banjir yang melanda kawasan itu pada masa depan.

"Selain isu banjir, masalah longkang lama, semak samun dan sampah sarap juga sering diutarakan penduduk dalam grup WhatsApp dan Alhamdulillah, agensi berkaitan memberi respon balas yang pantas berhubung aduan yang dikemukakan.

"Tidak hanya isu kemudahan infrastruktur, ada juga penduduk yang meminta bantuan makanan kerana terkesan akibat COVID-19 dan sedang dikuarantin di rumah, jadi melalui grup aduan ini, bantuan segera dapat disalurkan oleh pihak JAPERUN dari rumah ke rumah yang memerlukan," katanya.

Selain isu-isu tersebut, ujar Abidullah, terdapat juga aduan tekanan air rendah daripada penduduk Pangaspuri Kota Laksamana yang berlanjut sejak lebih 10 tahun lalu.

"Terdapat 13 blok kediaman pangaspuri yang dihuni kira-kira 1,000 penduduk di situ, masalah tekanan air rendah berlaku di beberapa blok dimana pam lama yang dibina pemaju sebelum itu telah rosak dan digantikan alternatif lain oleh pihak SAMB.

"Namun, masalah sama tetap berulang dan kita telah cadangkan agar diadakan tangki sedutan dan pam penggalak air bagi mengatasi teka-

nan air rendah di kawasan itu," ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, usaha melengkapkan keperluan penduduk tidak akan berjalan lancar jika pihaknya terpaksa menggunakan fasiliti yang terhad di mana sejak lebih 10 tahun lalu 'menumpang' bangunan Balai

Raya Kampung Morten.

"Keadaan ini agak menyukarkan tugas-tugas harian yang perlu diuruskan oleh kira-kira lapan petugas JAPERUN Kota Laksamana dengan ruang kerja yang agak terhad.

"Ini kerana, ada kalanya penduduk mahu menjalankan aktiviti mereka dan pada masa yang sama, bangunan balai raya turut menempatkan Tabika Kemas Kampung

BIODATA PENYELARAS DUN KOTA LAKSAMANA

Nama: Datuk Abidullah Salleh

Umur: 62 tahun

Tarikh Lahir: 2/2/1959

Isteri: Rosmala Ramli

Anak: 1) Noorashila
2) Noorameera
3) Noorathira
4) Muhammad Aziq



Pendidikan Awal: - ACS Kota Laksamana
- Kolej Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan

Pengalaman NGO: Setiausaha Persatuan Sepak Takraw Malaysia (2018-sekarang)

Pengalaman Kerja: Senator Dewan Negara (2017-2020)
Bekas Guru Sekolah Kebangsaan Bukit Rambai (1987-1996)

Morten terdiri 15 orang kanak-kanak," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan negeri dapat mempercepatkan kelulusan pembinaan kompleks JAPERUN Kota Laksamana yang baharu dalam usaha membantu pihaknya melaksanakan urusan khidmat kepada masyarakat DUN Kota Laksamana dengan lebih berkesan dan sistematik pada masa depan.

"Rata-rata penduduk

DUN Kota Laksamana yang datang memerlukan bantuan adalah dari kalangan warga emas dan disebabkan ruang menunggu yang terhad, mereka perlu beratur dan menunggu di luar pejabat.

"Keadaan ini tidak sepertinya berlaku dan sewajarnya penduduk menikmati kemudahan yang lebih baik dan selesa terutama ketika mendapatkan khidmat bantuan di JAPERUN Kota Laksamana," katanya.

JAWATAN KOSONG PEMBANTU PERIBADI

SYARAT KELAYAKAN:

- Warganegara Malaysia
- Keutamaan kepada perempuan bujang berumur 25-35 tahun
- Beragama Islam
- Memiliki lesen memandu kelas D (manual & automatik)
- Memiliki kendaraan persendirian
- Keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Melaka/menetap di Melaka

KELAYAKAN AKADEMIK/KEMAHIRAN KOMPUTER:

- Pemegang Diploma dari Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf dan memiliki latar belakang dalam bidang Kesetiausahaan, Pentadbiran Awam, Media Massa dan yang berkaitan
- Membantu kerja-kerja pentadbiran dan mahir dalam penggunaan Microsoft Office, Excel dan Power Point
- Mahir menggunakan kamera dan kemahiran fotografi diutamakan

CIRI-CIRI YANG DIPERLUKAN:

- Semangat ingin belajar sesuatu yang baru
- Memiliki minimum 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan
- Berpengalaman dalam bidang protokol dan mengambil tahu mengenai perkembangan fesyen terkini
- Mempunyai perwatakan menarik dan sentiasa rapi dalam pemakaian
- Mempunyai sikap yang positif, daya pemikiran yang kreatif & berdiskusi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan
- Membuat kerja-kerja peribadi dan keluarga majikan
- Mengendalikan maklumat sulit majikan dengan penuh budi bicara
- Kebolehan memandu kereta mewah (jika diperlukan)
- Boleh bekerja secara "multi task"
- Boleh bekerja di luar kawasan bersama majikan (jika perlu)
- Patuh kepada waktu bekerja yang telah ditetapkan dan tidak berkira untuk bekerja lebih masa sekiranya diperlukan
- Boleh bekerja dalam tekanan dan tidak mudah melatah
- Boleh menerima arahan daripada majikan dari semasa ke semasa
- Bakat istimewa yang diperlukan: kebolehan menjahit, tatarias diri/muka dan boleh menjadi konsultan imej kepada majikan

CARA MEMOHON:

Resume lengkap (termasuk nombor telefon dan gambar berukuran pasport) hendaklah dihantar ke alamat emel berikut: hrrecruitment20.com.my@gmail.com sebelum/pada 30 September 2021.



ABDULLAH (kanan) menerangkan tentang kaedah penyelesaian yang akan diambil kepada wakil penduduk Pangaspuri Kota Laksamana, Iskandar Loh bagi mengatasi masalah tekanan air rendah di kawasan itu.

INFOGRAFIK KAWASAN DUN KOTA LAKSAMANA

Jumlah Penduduk
52,000 Orang

Kawasan perumahan

JPKK : 9
Taman Perumahan : 10

Rumah Ibadat

Masjid : 3 Tokong : 10
Surau : 12 Kuil : 6

Jumlah Pengundi
29,005 Orang

Pendidikan

Sek Rendah : 3
Sek Menengah : 3

SJKT : 1
SJKC : 2



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

LHDN serah 200 bakul makanan kepada MAIM

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MAJLIS Agama Islam Melaka (MAIM) telah menerima 200 set bakul makanan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menerusi Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Hasil Prihatin agensi berkenaan baru-baru ini.

Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim berkata, bakul makan-

nan itu akan diagihkan kepada golongan sasar khususnya asnaf fakir dan miskin serta mereka yang terjejas berikutan penularan pandemik Covid-19 di negeri ini.

Beliau menjelaskan, program tersebut merupakan tanggungjawab sosial korporat yang bertujuan membantu masyarakat yang kurang berkemampuan.

Menurut Ikram lagi, setiap set bakul berkenaan bernilai RM 100

yang terdiri daripada barang keperluan asas seperti beras, tepung, susu, gula dan minyak masak.

"Saya yakin dan percaya dengan sumbangan seperti ini ia mampu dimanfaat sebaiknya oleh penerima dan sedikit sebanyak mampu membantu mereka dalam keadaan terjejas punca pendapatan," katanya pada Program CSR Hasil Prihatin peringkat Pejabat Pengaroh Negeri Melaka baru-baru ini.



Tambahnya, setiap set bakul makanan itu akan diserahkan sendiri oleh MAIM kepada penerima berbanding menyerahkan kepada organisasi atau institusi tertentu untuk menguruskannya.

"Kita akan pastikan mereka yang terkesan akan menerima sumbangan makanan dan juga beberapa bantuan lain yang sesuai bagi membolehkan mereka mampu meneruskan kehidupan dengan sebaiknya."

Hadir sama pada program ringkas itu Pengaroh LHDN negeri, Zubaidah Hamzah dan Pengurus Baitulmal MAIM, Mohd Shariff So-

mathulla.

Sementara itu, berhubung penglibatan syarikat korporat dalam sumbangan, Muhammad Ikram berkata pelbagai syarikat dan agensi korporat telah tampil menghulurkan bantuan antaranya Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Permodalan Nasional Bhd. (PNB).

"Terima kasih kepada agensi dan syarikat korporat yang telah menaruh kepercayaan penuh kepada MAIM dalam menyampaikan serta menyalurkan sumbangan kepada penduduk negeri ini yang terjejas akibat pandemik Covid-19 ini."



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



TINJAU...Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bersama Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Melaka (LPM), Mohd Salleh Hamidom mengadakan lawatan tapak pembinaan rumah di atas tanah wakaf milik MAIM di Tangga Batu baru-baru ini. Projek berkenaan merupakan kerjasama antara MAIM dan LPM dalam usaha membantu golongan asnaf menikmati kediaman dan tempat tinggal yang lebih selesa. Turut hadir wakil Tenaga Nasional Berhad Cawangan Melaka dan Negeri Sembilan, dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB).



MUFTI Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil menyampaikan 300 naskhah buku Covid-19 kepada Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) Melaka baru-baru ini. Buku berkenaan merupakan antara inisiatif tambahan Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMMN) merungkai persoalan berkaitan hikmah serta pengajaran ujian besar penularan wabak Covid-19 di negara ini.

Kebebasan mencari harta



Datuk Hj. Ibrahim
Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.



HARTA adalah suatu instrumen yang merupakan alat bagi manusia menggunakan bertenun untuk mendapat manfaat dalam kehidupan sebagai tuntutan syariat Islam yang telah ditegakkan oleh Allah SWT. Secara amnya, harta atau "al-maal" dalam bahasa Arab merujuk kepada sesuatu benda atau instrumen yang dimiliki oleh seseorang individu atau kumpulan manusia seperti barang-barang berharga, barang perniagaan, aset tetap, pertukaran wang dan sebagainya.

Mengikut panduan Islam, dunia adalah tempat persinggahan sementara dan sebagai jambatan untuk ke akhirat. Dunia juga sebagai tempat untuk bercucuk tanam dan akhiratlah tempat untuk menuainya. Allah SWT telah berfirman di dalam Surah Al-Taghabun ayat 15, yang bermaksud: "Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah SWT jualah pahala yang besar". Dunia ini adalah sebagai tempat ujian daripada Allah SWT. Manusia dituntut supaya mengikut segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Islam amat menitikberatkan perhubungan sosial dan masyarakat serta ekonomi yang baik melalui pelbagai kaedah dan pendekatan kemaslahatan umat.

Harta, wang ringgit, kekayaan dan pendapatan merupakan rezeki yang Allah SWT kurniakan kepada seluruh hamba-Nya. Harta adalah pemilikan mutlak oleh Allah SWT. Manakala pemilikan sementara bagi manusia untuk menguruskannya. Tidak ada sesuatu pun

yang menjadi hak milik manusia, segalanya adalah pinjaman daripada Allah SWT.

Musim penularan pandemik kini sememangnya merupakan dugaan sangat hebat yang perlu dihadapi oleh seluruh manusia. Diakui ramai yang terkesan dan memberi impak yang sangat membimbangkan sama ada dari aspek ekonomi, kesihatan dan tidak kurang juga yang kehilangan nyawa. Namun begitu, kita seharusnya tidak leka serta berdiam diri tanpa berusaha untuk mencari sumber rezeki yang halal. Berdepan dengan situasi pandemik bukan alasan untuk kita meminta-minta bantuan dan sumbangan tanpa melakukan sebarang usaha dari pihak diri kita sendiri. Masyarakat Islam di Malaysia juga sepatutnya bersyukur kerana negara kita berada dalam keadaan aman dan damai tidak seperti beberapa negara luar yang terlibat dalam perperangan.

Islam menuntut umatnya untuk bersung-

guh-sungguh dalam mencari rezeki dan harta. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 10, yang bermaksud: "Kemudian setelah selesai solat, maka berteba-ranlah kamu di muka bumi (untuk menjalan-kan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah SWT, serta ingatlah akan Allah SWT banyak-banyak

(dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)". Penegasan pada firman Allah SWT ini amat jelas menerangkan kepada manusia untuk bekerja mencari rezeki yang halal demi kelangsungan hidup. Setelah kita bekerja dan memperolehi lebihan harta perlulah kita kongsikan kepada mereka yang memerlukan sama ada ibadah zakat, sedekah, wakaf, hibah dan sebagainya.

Justeru itu, kita sebagai insan yang beriman dan bertakwa seharusnya bertindak dengan lebih bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki dan sumber pendapatan harian. Bagi mereka yang kehilangan sumber pendapatan, boleh menjalankan pelbagai jenis perniagaan kecil-kecilan untuk meneruskan kehidupan. Dalam usaha untuk memperkenalkan sesuatu perniagaan adalah melakukan strategi pemasaran dengan menggunakan pelbagai platform hebahan seperti media sosial, media cetak, radio, televisyen dan sebagainya. Semoga usaha dan kesungguhan dalam bebas mencari harta dan rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT, akan mendapat rahmat dan keberkatan di dunia maupun di akhirat. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.



Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat
- (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com



Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

ZAKAT MELAKA
Bersih Jiwa, Suci Harta!



APLIKASI JEJAK ASNAF

(MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA)

BANTU KAMI JEJAK ASNAF

(KHAS UNTUK RAKYAT NEGERI MELAKA)

MUAT TURUN SEKARANG DI
GOOGLE PLAY dan APP STORE



DAFTAR
PENGUNA



LAPOR
ASNAF




SEMAK
LAPORAN

MOBIL JEJAK ASNAF MAIM

Majlis Agama Islam Melaka telah membangunkan sebuah Aplikasi Mobil Jejak Asnaf yang bertujuan memberi kemudahan rakyat negeri Melaka untuk menyampaikan maklumat individu yang memerlukan bantuan kebaikan di bawah saluran dana zakat Negeri Melaka

- 01 SALURAN KEMUDAHAN BAGI PENYAMPAIAN MAKLUMAT BERJERATAN INDIVIDU YANG MEMERLUKAN BANTUAN
- 02 KES-KES VIRAL YANG BERLAKU DAPAT DIURANGKAN
- 03 MELAHIRKAN RAKYAT YANG PERHATIN TERHADAP KEUSAHAN ASNAF
- 04 CARA KERJA MENJADI LEBIH EPISEN DAN SISTEMATIK
- 05 SISTEM INI BOLEH DIGUNAKAN OLEH SESIAPA SAHAJA DAN DI MANA-MANA



- 01 PENDAFTARAN PENGUNA BAGI KAU PERLU MENGGUNAKAN IDUL MI
- 02 SEMAKAN ASNAF SEMAK ASNAF SAMA ADA TELAH BEROKTAWA DENGAN MAIM ATAU TIDAK
- 03 ISI MAKLUMAT ASNAF ISI MAKLUMAT ASNAF ATAU DIRI SENDIRI YANG MENERIMA BANTUAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIETAPKAN
- 04 SEMAKAN STATUS SEMAK STATUS MAKLUMAT JADIAN YANG TELAH DIBAT
- 05 INFOGRAPHIC BERKAITAN JADIAN YANG TELAH DISUAT

Satu Amal mencipta Sejuta Manfaat



“Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya”

-Hadith Riwayat Muslim

Wakaf Pendidikan



Wakaf Perubatan



Wakaf Masjid, Surau & Madrasah



**Kemanakah
Wakaf
Anda?**

Wakaf Pembangunan



Wakaf Am



BILIK GERAKAN COVID-19 AGENSI AGAMA ISLAM MELAKA

SUMBANGAN KIT **BANTUAN MAKANAN KECEMASAN (MUSA'ADAH)** MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

“Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk”

-Hadith Riwayat Abu Daud-

Pengagihan Fidyah Keutamaan Kami

TABUNG MUSA'ADAH COVID-19 MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

BANK ISLAM

04015 01000 6080



JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

ALMANAK ASTRONOMI 2021 BULAN SEPTEMBER

21 SEPTEMBER 2021

FASA **BULAN PENUH**



14 SEPTEMBER 2021


ISTIQBAL **NEPTUN**



23 SEPTEMBER 2021

EKUINOKS **SEPTEMBER**

Matahari akan berada pada kedudukan di atas garisan Khatulistiwa. Matahari akan terbit tepat di timur dan terbenam tepat di barat.



FASA-FASA **BULAN**

7 SEPTEMBER

14 SEPTEMBER

29 SEPTEMBER

FASA BULAN BARU

FASA BULAN SUKUAN AWAL

FASA BULAN SUKUAN AKHIR



Nak tahu?

- Peranti Pintar 5G
- Kandungan kreatif
- Perniagaan dalam talian
- Cybersecurity

Di MMU ada jawapannya.

Kemasukkan
September
2021 Kini
Dibuka

**MMU ialah Anda
Menerajui Masa Hadapan Digital**

Layari mmu.edu.my





WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+

SUBJEK : MATEMATIK**SUDUT REVISI BAB TINGKATAN****NOMBOR DAN OPERASI
NUMBERS AND OPERATIONS**

1. $a^m \times a^n = a^{m+n}$
2. $a^m \div a^n = a^{m-n}$
3. $(a^m)^n = a^{mn}$
4. $a^{\frac{m}{n}} = (a^m)^{\frac{1}{n}}$
5. Faedah mudah / Simple interest, $I = Prt$
6. Faedah kompaun / Compound interest, $MV = P\left(1 + \frac{r}{n}\right)^{nt}$
7. Jumlah bayaran balik / Total repayment, $A = P + Prt$

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1) - MATEMATIK KERTAS 1

1. Permudahkan :
Simplify :

$$\left(\frac{3^3 \times 6^3}{16}\right)^4$$

- A. $2^4 \times 3^{24}$
- B. $2^4 \times 3^{20}$
- C. $2^{-4} \times 3^{24}$
- D. $2^{-4} \times 3^{20}$

2. Cari nilai bagi:
Find the value of:

$$\frac{25 \times 7^2}{(7^{-9} \times 5^3)^{\frac{1}{3}}}$$

- A. 2100875
- B. 1715
- C. 1225
- D. 84035

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1) - MATEMATIK KERTAS 2

1. Kadar faedah bagi suatu akaun simpanan tetap setahun yang ditawarkan oleh bank K ialah 4.5%. Pada 1 Januari 2021, Puan Maria telah menyimpan sebanyak RM 20 000 dalam akaun simpanan tetapnya. Selepas setahun, berapakah jumlah wang, dalam RM, dalam akaun simpanan tetapnya jika kadar faedah di kompaun setiap tiga bulan sekali.

An interest rate per annum offers by Bank is 4.5%. On 1 January 2021, Puan Maria saved RM 20 000 in her fixed deposit account. After a year, how much money, in RM, in her fixed deposit account if the interest is compounded once every four months.

[2 markah /marks]

2. Encik Manaf membeli sebuah kereta berharga RM 45000 dan membuat pembayaran pendahuluan sebanyak RM5000. Selebihnya dibayar menggunakan pinjaman bank untuk tempoh 5 tahun dengan kadar 6.5% setahun. Berapakah bayaran balik bulanan pinjaman Encik Manaf?
Encik Manaf bought a car price of RM45000 and he make a down payment of RM5000. The remaining payment was completed by using bank loan form 5 years with 6.5% interest rate per annum. How much was Encik Manaf's monthly loan repayment?

[3 markah /marks]

**SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: MATEMATIK**

**JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI**
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

JAWAPAN:**KERTAS 1**

1.

$$\begin{aligned} \left(\frac{3^3 \times 6^3}{16}\right)^4 &= \left(\frac{3^3 \times (2 \times 3)^3}{2^4}\right)^4 \\ &= \left(\frac{3^3 \times 2^3 \times 3^3}{2^4}\right)^4 \\ &= (3^{3+3} \times 2^{3-4})^4 \text{ (formula (1) dan (2))} \\ &= (3^6 \times 2^{-1})^4 \\ &= 3^{6 \times 4} \times 2^{-1 \times 4} \text{ (formula (3))} \\ &= 3^{24} \times 2^{-4} (C) \end{aligned}$$

2.

$$\begin{aligned} \frac{25 \times 7^2}{(7^{-9} \times 5^3)^{\frac{1}{3}}} &= \frac{5^2 \times 7^2}{7^{-3} \times 5} \text{ (formula (3))} \\ &= 5^{2-1} \times 7^{2-(-3)} \text{ (formula (2))} \\ &= 5 \times 7^5 \\ &= 84035 (D) \end{aligned}$$

KERTAS 2

1. Pelajar perlu menggunakan formula (6) kerana jenis faedah adalah faedah kompaun. Melalui maklumat yang diberikan,
 - i) kadar faedah ialah $r = 0.045$
 - ii) bilangan kompaun dalam setahun adalah $n = \frac{12}{3} = 4$
 - iii) masa, $t = 1$
 - iv) Principal, $P = \text{RM}20000$

Maka, jumlah wang, dalam RM, dalam akaun simpanan Puan Maria adalah

$$\begin{aligned} MV &= P\left(1 + \frac{r}{n}\right)^{nt} \\ &= 20000\left(1 + \frac{0.045}{4}\right)^4 \\ &= \text{RM}20915.30 \end{aligned}$$

2. Bagi mendapatkan bayaran balik bulanan pinjaman Encik Manaf, pelajar perlu terlebih dahulu mendapatkan jumlah bayaran balik menggunakan formula (7).
Melalui maklumat yang diberikan,
 - i) Principal, $P = 45000 - 5000 = 40000$
 - ii) kadar faedah, $r = 0.065$
 - iii) tempoh bayaran, $t = 5$

Oleh itu, jumlah bayaran balik pinjaman, Encik Manaf adalah

$$A = P + Prt$$

$$\begin{aligned} &= 40000 + (40000)(0.065)(5) \\ &= \text{RM}53000 \end{aligned}$$

dan bayaran bulanan yang perlu dibayar oleh Encik Manaf adalah

$$\frac{\text{RM}53000}{12 \times 5} = \text{RM}883.30.$$



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

Al-*Imam* and Japan : Syed Shaykh al-Hady's Cry to the Malays

IT was Japan, with her symbol of the Rising Sun, that gave impetus to the publication of reformist periodical *Al-Imam* (1906-1908) in the Malay journalism hub of Singapura. The editorial in its first issue on 23 July 1906 contended that that the Europeans could not have extended their rule "from West to East without the weapon of knowledge."

And the Japanese, fewer than 50 million people, could never have defeated her enemies who were hundreds of millions strong if they were not in possession of the same knowledge.

The maiden issue also contained

some news items on Japan. *Al-Imam* (The Leader), modelled on the Egyptian journal *al-Manar* (The Lighthouse), led by Muhammad Rashid Rida in Cairo, was widely distributed throughout the Malay Archipelago. *Al-Imam*'s alliance with Japan can be seen against the background of reform and renewal – the climate in the Muslim world echoing the modernist reform movement in Egypt in the late 1800s. The *Islah* (reform) resonated throughout Muslim societies in the greater part of the Muslim world and in the Tanah Air.

Tanjong, in Pulau Pinang was a center for reform consciousness, with a significant readership among the Malays, the Jawi and Arab Peranakan and other Muslim com-

// Al-*Imam*'s alliance with Japan can be seen against the background of reform and renewal – the climate in the Muslim world echoing the modernist reform movement in Egypt in the late 1800s. //

munities, generating debates on Islam from theology to politics. And of course, the *Kaum Muda* faction in the Malay states. The Muhammadiyah movement beginning 1912 was directly inspired by Muhammad Abdur, Rashid Rida, and Jamaluddin Al-Afghani, the three main figures of the Reform movement. In its 21 August 1906 issue, *al-Imam* made a proposition on the benefit to Japan should its people

convert to Islam. This would ally the Japanese with millions of Muslims throughout the world. Later on 14 April 1907, it spoke of the benefit to Muslims should the Japanese convert. *Al-Imam* wrote "We would be able to mingle with them like water with sugar (*seperti air dalam gula*) and we could study from them and be taught by them about all the amazing things which have recently appeared in the world..."

...we could then enter the group of those people who are civilized...and the benefits would pass to our descendants.

On 5 January, 1908, *al-Imam* said that if the Dutch persisted in its harsh exploitation, the people of the Indies would rise up, free themselves, and then placed them under Japanese rule, which would be "like going from hell to heaven." Syed Shaykh al-Hady (1867-1934) one of the founders, and editor of *al-Imam* wrote against the colonialists "for placing Eastern peoples under slavery, for their duplicity and disrespect for Eastern rulers. *Al-Imam* has always been an advocate for science and technology, knowledge and *ilm*; at the same time standing against *taqlid* (blind following). The possessions that Japan has, was denied to Muslims.

A 1999 essay by Alijah Gordon titled "Riau: The Milieu of Syed Shaykh's Formative Years" which appeared in a definitive compendium titled *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady* (Edited by Alijah Gordon and published by the Malaysian Sociological Research Institute), highlights Syed Shaykh's castigation of the Malays for their submission to colonial rule. Syed Shaykh wrote the following on 12 July 1907:

We believe most faithfully that we, the peoples of the East, were created imperfectly with less than perfect minds and vision. We held fast to this belief until there came to us the Japanese, an eastern people endowed with knowledge and crowned with national pride and victory. They worked with their knowledge to extract the natural wealth from our soil, and both the Japanese and the Europeans took their shares and later joined their knowledge and resources in all fields.

These inspired Syed Shaykh, who inherited the intellectual tradition

from milieu in Pulau Penyengat in the Riau-Lingga Archipelago. The *zeitgeist* (spirit of the times) there informs us of a phase in Malay Enlightenment. Syed Shaikh had travelled to Cairo and Makkah. He observed at that time the students studying in Cairo returning to the Archipelago were crying for a reform movement similar to that of Egypt.


The Malay Archipelago was under colonial conditions. The 1873-1903 Aceh's struggle against the Dutch was a losing battle. The Acehnese was known for their courage in the region's history. Another was the Bugis. Both were belligerents in the *Tanah Air*. But both were defeated by the Europeans.

The Russo-Japanese War (1904-1905) altered the Malay view on the *orang putih*. The Japanese victory against Czarist Russia, then a formidable European power, was seen as "an Asian race vanquishing a European race." It stunned the world. It revolutionized political thinking in the East. Japan had demystified Western supremacy. Linda Tan in her 1999 essay titled "Syed Sheik: His Life and Times" describes the event as a white giant defeating a coloured dwarf. The Japanese had used knowledge and technology without abandoning her way of life, system of government, and cultural heritage.

Japan's exhilaration was infectious. Burma, China, India and Indonesia "bestirred themselves with new-found confidence," according to Linda. *Al-Imam* was imbued with this new spirit. This continued into *Neracha* (1911-1915), and Syed Shaykh's Tanjung-based newspapers in *al-Ikhwan* (1926-1931/Brehren), and *Saudara* (1928-1941/Brother). His Jelutong Press, founded in 1927, was the vehicle for the continuing reform and renewal until World War II came to Tanjung.

NEXT WEEK:

Maps, Renderings, Images

Al-*Imam*, majalah pimpinan Syed Shaykh al-Hady dan Kaum Muda.



DR. SHANKAR GUNARASA




DUNIA hiburan antarabangsa telah dikejutkan pada bulan Sepetember 2020 dengan pemergian pelakaon utama Black Panther Chadwick Boseman. Beliau telah didiagnosis tahap tiga kanser usus yang telah meragut nyawanya. Setelah kematianya, kanser usus dan rektum telah mendapat perhatian umum dan pencarian mengenai penyakit ini di laman web Google semakin popular.

Apakah sebenarnya kanser kolorektal?

Kanser ini dikenali juga dengan nama kanser kolon atau kanser usus yang menyerang bahagian lapisan usus dan rektum (bahagian usus besar yang terlibat dalam pencernaan makanan dan pembuangan bahan kumuh). Ianya bermula dari polip iaitu benjolon di usus atau rektum, adakalanya polip ini bertangkal. Kalau di simpan lama ia akan menjalani mutasi sel. Mutasi sel-sel ini yang digabungkan dengan kegagalan gen untuk membuang sel yang bermutasi akan menyebabkan pembahagian sel yang tidak terkawal. Apabila kanser telah mula membesar sejak beberapa tahun, ia bukan sahaja dapat mengambil ruang organ-organ yang lain, tetapi menembusi juga saluran darah yang menyebabkan kanser ini merebak.

Apakah status kanser kolorektal di kalangan rakyat Malaysia?

Menurut laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) 2012 hingga 2016, secara keseluruhannya, kanser kolorektal merupakan kanser yang kedua paling kerap berlaku (13.5%) di Malaysia, selepas kanser payudara (19%). Dari segi jantina pula, kanser kolorektal merupakan kanser yang



Kanser Kolorektal semakin menular di Malaysia

paling kerap berlaku dalam kalangan lelaki (16.9%) dan kanser kedua paling kerap berlaku dalam kalangan wanita (10.7%). Scenario ini lebih memudarkan rawatan bila lebih 70% kanser kolorektal dikesan berada pada tahap tiga serta empat iaitu masing-masing 72.4% dalam kalangan lelaki dan 73.1% dalam kalangan wanita.

Bagaimana pula di Melaka?

Berdasarkan statistik kanser di Melaka pada tahun 2012, kanser kolorektal adalah kedua terbesar di kalangan lelaki dan kedua terbesar di kalangan wanita selepas kanser paru paru dan kanser payudara, pada kadar 16.5 % dan 13.6 % dari semua jenis kanser yang telah didiagnosis di Melaka dari tahun 2007 hingga 2011. Masalah kanser kolorektal di Malaysia juga telah membebankan negara dari segi ekonomi. Hasil kajian yang dibuat pada 2012, beban kos merawat kes kanser kolorektal yang baru telah mencecah hampir RM 108 juta. Ini tidak termasuk kos tambahan bagi sesetengah kes kanser kolorektal tahap empat yang memerlukan rawatan tersasar monoclonal antibodies/ terapi biologi seperti cetuzimab dan bevacizumab yang memerlukan kos tambahan sebanyak RM20,000 hingga RM40,000. Rawatan yang awal dapat mengurangkan kos dan juga bebanan tanggungan kerajaan.


Dogma kanser kolorektal yang hanya berlaku pada golongan yang berusia atau tua tidak tepat sama sekali. Dengan golongan muda yang gemar makanan "fast food", makanan yang kurang serat, cara hidup yang sentiasa sibuk dan keutamaan bersenam diabaikan, kanser kolorektal semakin menular pada usia yang lebih muda. Berdasarkan statistik Kanser Registi Malaysia, dari tahun 2003 hingga 2005, hampir 14.6% kanser kolorektal dihadapi oleh golongan usia kurang daripada 50 tahun dan 7% pula dari golongan usia kurang daripada 40 tahun.

Kajian juga menunjukkan kaum Cina di Malaysia lebih cenderung menghidap kanser kolorektal berbanding dengan kaum

Melayu dan India. Nisbah pecahan insiden kanser kolorektal tahunan per 100,000 penduduk untuk kaum Cina adalah 28.3, manakala kaum India 14.3 dan kaum Melayu 11. Pecahan nisbah ini juga dapat dilihat bagi ketiga-tiga kaum ini di Singapura iaitu 34.1, 16.1 dan 26.1 masing-masing.

Selain fakta usia dan etnik, antara fakta lain yang boleh menjadi punca masalah kanser kolorektal adalah pertalian darah atau genetik yang mempunyai polip kolorektal atau kanser kolorektal dan sindrom genetik yang berkaitan dengan kanser seperti 'familial adenomatous polyposis (FAP)' atau 'hereditary non-polyposis colorectal cancer'. Selain itu, penyakit radang usus seperti 'ulcerative colitis' dan 'Crohn's disease' boleh dalam jangka masa yang panjang melarat menjadi kanser kolorektal.

Di samping itu mengenali tanda-tanda awal seperti pembuangan najis berdarah, tidak rasa puas selepas pembuangan najis, sering sembelit atau cirit-birit lebih dari dua minggu, hilang berat badan secara mendaik, sakit perut yang berpanjangan adalah amat penting. Sekiranya anda mempunyai tanda-tanda ini, anda perlu manjalan ujian saringan. Antara ujian saringan yang dimaksudkan adalah sigmoidoskopi atau kolonoskopi. Kaedah ini dijalankan dengan menggunakan tiub flexible berhujungkan kamera dan dimasukkan ke hujung dubur untuk melihat polip atau atau ketulan di usus. Sekiranya polip dijumpai, 'polypectomy' akan dilakukan dan proses ini sangat mustahak. Kajian telah menunjukkan 'polypectomy' dapat mengurangkan risiko kanser kolorektal hampir sebanyak 63% hingga



90%.

Oleh itu, ujian saringan dengan kolonoskopi atau sigmoidoskopi sangat mustahak untuk mengesan gejala ini dari peringkat awal lagi.

Kaedah rawatan kanser kolorektum termasuk pembedahan (secara konvesional atau laparoskopi), kemoterapi, radioterapi dan rawatan sasar seperti monoclonal antibody atau terapi biologi. Pembedahan adalah rawatan utama dalam kanser kolorektal. Bergantung kepada peringkat kanser yang dialami, sesetengah pesakit mungkin memerlukan kemoterapi selepas pembedahan untuk mengurangkan risiko kanser berulang lagi. Berlainan pula untuk kes kanser rektum, sesetengah pesakit mungkin memerlukan radiokemoterapi untuk mencegatkan tumor sebelum pembedahan dijalankan. Malah sesetengah pesakit tahap empat kanser perlu juga dikeluarkan stoma terlebih dahulu sebelum menjalani kemoterapi.


Bagaimakah kanser kolorektal dapat dielakkan?

Satu soalan yang sering saya terima daripada pesakit. Amalkanlah pengurusan diri yang baik dengan banyak minum air, ambil makanan seimbang dan kurangkan dari makan hidangan yang boleh menyebabkan gangguan pada usus besar anda (makanan pedas atau berempah, keras dan alkohol). Aktiviti bersenam dapat mengurangkan masalah obesiti, yang antara faktor dikaitkan kepada kanser kolorektal. Hindarkan merokok dan minuman alkohol. Sekiranya ada di antara pertalian darah terdekat menghidapai kanser, anda juga perlu menjalankan ujian saringan yang lebih awal.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan kanser kolorektal atau perlu menjalani ujian saringan, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**

PROSES PEMBENTUKAN KANSER KOLOREKTAL

Polip Bertangkai




KANSER KOLOREKTAL

boleh dicegah dan dielakkan dengan mengesan dan membuang polip pada peringkat awal !!



COURTYARD VILLAS

Country Villas Resort, Malacca



ABOUT THE PROPERTY

Country Villas Resort is a guarded community project which brings out the best of nature and healthy country living of your family, our Villas are designed to give you optimum space, comfort, luxury and excellence.

OUR PROPERTY FEATURES

- Garden Courtyard • Smart Door Lock
- 2-Cars Garage • 12' Ceiling High
- 4 Beds + 4 Baths • Living Room
- Free 2 Years UNIFI • Dining Room

+6013 352 0688

+6013 533 5688

+6013 618 0688

*No. Lesen Pemaju Perumahan: 12308-5/02-2022/01182(L) *Tempoh Sah: 19/02/2021 hingga 18/02/2022 *No. Permit Iklan Jualan: 12308-5/02-2021/01182(P) *Tempoh Sah: 19/02/2021 hingga 18/02/2022

*Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya *No. Rujukan Kelulusan Pelan Bangunan: MPHTJ/JKB/03511/11/2017 *Tarikh Jangka Siap: August 2021 *Pegangan Tanah: 99 Tahun *Tarikh Tamat Pajakan: 26 November 2118 *Bebanan Tanah: Tiada *Bilangan unit: 183 *Jenis: Rumah Teres 2 Tingkat, Harga (Min.): RM 500,000.00 Harga (Maks.): RM 730,000.00

*Syarat-syarat Nyata: Tanah ini hendaklah digunakan untuk mendirikan rumah kediaman sahaja *Sekatan-sekatan kepentingan: Kod B: Tiada

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Kahwin campur pupuk semangat perpaduan

Fiqah Jamal

PERKAHWINAN campur melibatkan pelbagai kaum di Malaysia mampu meningkatkan keharmonian kaum dalam kalangan rakyat sekali-gus dapat memupuk sifat toleransi dalam perhubungan.

Di Melaka khususnya, perkahwinan campur bukan lagi perkara pelik, asal usul Baba Nyonya juga adalah dari perkahwinan campur, begitu juga dengan Kaum Chitty di Melaka.

Bagi T. Sithambaram Pillay, 35, dilahirkan daripada seorang bapa dari Etnik Chitty dan ibunya pula berketurunan peranakan Cina Baba Nyonya, dia dibesarkan dengan nilai-nilai penerimaan, toleransi dan menghormati bangsa lain.

BANGGA MENJADI ANAK CAMPURAN CHITTY DAN BABA NYONYA

Dibesarkan sebagai seorang pemuda berdarah campur, dia bangga dengan etnik Chitty yang rata-ratanya hanya tinggi 200 ke 350 orang sahaja dalam populasi kaumnya itu di Malaysia.

"Kaum Chitty merupakan kaum minoriti di Malaysia, tapi ramai dalam kalangan kami ini berkahwin dengan kaum lain dan sudah tidak tinggal di Melaka dan berada di me-rata tempat."

"Namun, apa yang saya banggakan dengan kaum saya ini, kami dapat raikan kepelbagaian dalam masyarakat komuniti Chitty ini sendiri," kata pembantu pengurus kilang dari Kampung Gajah Berang, Melaka itu.

Dia yang lebih mesra disapa Jeeva berkata, membesar dalam keluarga berbilang bangsa mengajar beliau untuk lebih terbuka kepada pelbagai pemikiran dan yang paling penting, untuk menerima anggota keluarga seadanya.

"Saya berbangga menjadi sebahagian daripada kepelbagaian kebudayaan di Malaysia ini. Ia mengajar saya untuk menilai kedua-dua dunia itu sepanjang kami membesar," kata anak kedua daripada dua beradik itu.

KAHWIN CAMPUR AJAR ERTI HORMATI PERBEZAAN

Mengulas lanjut tentang perkahwinan campur, Jeeva berkata dia sendiri mendirikan rumah tangga bersama isterinya, Chong You Wen, 35, berbangsa Cina.

Menurutnya, dia dan isteri yang merupakan seorang guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC), Chabau telah berkahwin lebih dari enam tahun sehingga dikurniakan sepasang cahaya mata bersusia enam dan satu tahun.

Jelas Jeeva, dia gembira kerana perkahwinan campur yang diamal-



JEEVA dan Isteri semasa melangsungkan majlis di sebelah keluarga isterinya mengikut adat perkahwinan keluarga Cina. (Foto diambil sebelum PKP bermula)

kan sejak dari nenek moyangnya lagi dia dapat warisi dan di pihak keluarga isterinya juga tidak menghalang malahan menerima dengan hati terbuka.

"Apa yang penting bila kahwin campur ini, adalah menghormati kepelbagaian perbezaan, macam saya sendiri penganut agama Hindu, sehinggalah isteri juga kini menganut agama Hindu."

"Namun tidak terhenti di situ, kami masih menghormati agama lama isteri iaitu Buddha, dan apa jua perayaan dalam agama Buddha kami hormati dan raikan, begitu juga sebaliknya," katanya.

BAHASA MELAYU BAHASA PERTUTURAN

Menurut Jeeva, bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan antara dia dengan isteri dan anak-anak, hal itu kerana dia dibesarkan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa utama.

Ujarnya, meskipun tidak fasih berbahasa Mandarin atau Tamil, namun dia fasih berbahasa Melayu.

"Saya dibesarkan dengan bahasa Chitty, di mana bahasa itu adalah gabungan penggunaan ayat dari campuran bahasa Baba Nyonya (Cina), India dan Melayu, tetapi saya

sendiri dibesarkan dengan Bahasa Melayu di rumah, jadi saya terapkan juga penggunaan bahasa Melayu dengan isteri dan anak-anak sehingga kini.

"Selain itu juga, lidah kami ini sudah sebatи dengan masakan Melayu, jadi makanan kegemaran saya sekeluarga adalah makanan melayu pedas," ujarnya berseloroh.

SEMANGAT 16 SEPTEMBER, KEKAL PERPADUAN DAN HARMONI

Jeeva berkata, seronoknya berkahwin campur apabila banyak perayaan dapat diraikan dalam setahun selain dapat menikmati pelbagai juadah istimewa pelbagai kaum.

Ujarnya, hanya di Malaysia sahaja kita mampu melihat pelbagai kaum hidup harmoni, sebagai contoh, nenek moyang kita telah membina rumah ibadat di Jalan Tukang Emas yang memperlihatkan Masjid, Kuil dan Tokong bersebelahan dalam satu lorong yang sama sebagai bukti harmoni.

"Manaknak dapat pelbagai kaum hidup harmoni dalam satu negara, hanya di Malaysia sahaja, kalau di Melaka kita boleh lihat di Kedai Kopi di Limbongan, Tengkera, di mana tiga bangsa iaitu Melayu, Cina dan India duduk semeja nikmati roti bakar bersama."

"Sempena 16 September Hari Malaysia, saya sarankan kita semua rakyat Malaysia bersatu hati, buang semangat perkauman dan hormat kaum atau bangsa lain, kerana kepelbagaian itulah tanda perpaduan kita."

"Yang paling penting dalam sesuatu bangsa itu ialah jati diri dan bagaimana untukkekalkan budaya serta tradisi, kerana tanpa tradisi dan bahasa maka sesuatu bangsa atau kaum itu sendiri akan ditelan masa, akhirnya."



T. Sithambaram Pillay atau mesra disapa Jeeva (dua kiri) bersama isterinya Chong You Wen (tiga kanan) bergambar bersama saudara-mara dalam majlis perkahwinan mereka mengikut adat resam Etnik Chitty. (Foto diambil sebelum PKP bermula)

Tangani isu rakyat

Pemuda UMNO Melaka akan serah memorandum kepada KM

Muhd Rizanizam

AYER KEROH – Pemuda UMNO Melaka akan menyerahkan satu memorandum kepada Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengenai kerajaan menangani isu pemilikan rumah dalam kalangan golongan belia di negeri ini.

Ketuaanya, Fairul Nizam Roslan berkata, memorandum itu antara lain turut menyentuh masalah kehilangan kerja akan diserahkan kepada Sulaiman dalam minggu ini.

"Perkara utama dalam memorandum ini adalah mencadangkan Ketua Menteri agar menambah lebih banyak projek rumah mampu milik berharga antara RM110,000 sehingga RM180,000 di Melaka."

"Boleh lihat contoh seperti projek Pangaspuri Mampu Milik Bandar Jasin Bestari di bawah Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) yang dijual RM110,000 telah habis dijual," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Bekal Sdn Bhd berkata demikian ketika ditemui MHI di pejabatnya di sini, pada 8 Sept lepas.

Tambahnya, Pemuda UMNO yakin pembinaan pangaspuri mampu milik di bawah harga RM180,000 akan mendapat sambutan baik dalam kalangan pasangan muda baru yang berkahwin.



FAIRUL

"Sebab itu kita akan cadangkan kepada Ketua Menteri mungkin boleh bina 500 buah rumah mampu milik (RMM) ini di setiap daerah kerana saya yakin ramai pasangan muda tidak mampu beli rumah lebih RM200,000 ketika ini."

"Tambahnya pula, pembinaan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) pun kini sudah terhenti, jadi diharapkan mungkin PERTAM atau Lembaga Perumahan Melaka boleh melaksanakan inisiatif RMM ini," tambahnya.

Mengulas lanjut Fairul Nizam berkata, antara kandungan lain memorandum berkenaan adalah berharap peniaga kecil yang terjejas akibat COVID-19 terus mendapat perhatian dan bantuan kerajaan.

"Ini termasuklah mencadangkan agar mereka ini dikecualikan bayaran sewa kedai milik pihak berkuasa tempatan (PBT), selain nilai kompaun juga dikurangkan."

"Dalam keadaan sekarang banyak pihak terjejas, namun saya yakin Ketua Menteri juga sangat prihatin berdasarkan pelbagai bantuan telah disalurkan sebelum ini," katanya.

Melaka negeri pertama terajui lesen perniagaan digital

Oleh Faiz Hasan dan Nur Ilyana Zainis Zainal

AYER KEROH – Melaka bakal menjadi negeri pertama menjalankan sistem perlesenan digital dikenali myPATIL di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak lama lagi.

Ia bakal melibatkan penyertaan 35,000 premis perniagaan berlesen di Melaka untuk menggunakan sistem teknologi pintar berdasarkan internet pelbagai benda (IOT) bagi akses perlesenan serta pelbagai lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif Gates It Solution Sdn Bhd, Husni Ruslai berkata, sebagai penyedia perkhidmatan itu, pihaknya komited membangunkan sistem penguatan perlesenan PBT di Melaka.

Ia sekali gus katanya, mampu mengatasi isu pengeluaran lesen haram dan palsu hingga memberi kesan kepada pulangan hasil kerajaan negeri.

"Pelbagai masalah mampu diatasi dengan pendigitalan yang dilaksanakan ini, malah akan menjadi platform pemasaran tepat buat setiap premis perniagaan berlesen di Melaka."

"Dengan myPATIL penguatan kuasa boleh menjelak premis dalam lingkungan 100 meter tanpa perlu memasuki premis untuk memeriksa pengesahan lesen."

"Malah mereka juga boleh mengeluarkan kompaun digital buat pesalah, semakan kompaun tamat tempoh, serta pelbagai lagi," katanya dalam temubual khas ber-

sama MHI.

Katanya, sistem myPATIL akan diperluaskan di negeri ini tidak lama lagi bagi membantu penguatan kuasa dan perlesenan PBT negeri menerapkan kaedah digital dalam pekerjaan sehari-hari mereka.

"Mulai 13 hingga 26 September ini sebanyak 1,645 unit aplikasi myPATIL akan dipasang oleh setiap PBT di Melaka."

"Dan menjelang 27 September hingga 1 Oktober depan pula proses 'Proof Of Concept' (PoC) akan dilaksanakan bagi membuktikan keberkesanannya sistem itu dalam memenuhi keperluan PBT."

"Setiap premis yang berlesen juga akan menerima satu alat peranti yang disediakan untuk diletakkan di dalam premis."

Menurut Husni, teknologi itu membolehkan bahagian penguatan kuasa dan perlesenan PBT beroperasi lebih efisien dan semua maklumat akan diperoleh secara pantas tanpa perlu memasuki premis.

Katanya, diiktiraf sebagai Syarikat Bumiputra Berprestasi Tinggi (Teras), pihaknya juga komited memperluaskan sistem tanpa tunai di negeri ini sebagai kemudahan yang perlu dimiliki rakyat dalam menjalani kehidupan norma baharu.

"Kami sedia bekerjasama dengan seluruh belia Melaka bagi memperkasakan sistem tanpa tunai di negeri ini."

"Ini termasuklah diperluaskan sehingga ke perniagaan peringkat penjaja dan trak makanan khususnya dalam kawasan luar bandar," katanya.

HAK MILIK KEKAL 20' x 70' Untuk Bumiputera Sahaja RUMAH TERES 2 TINGKAT

MOLEK RESIDENCE



Watch Interior 360° view >>

<https://molekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK PENDAFTARAN

06-337 3333

2.2282773,
102.3281568

Satu lagi projek berprestij oleh:

Pemaju:

PADUWAN
REALTY SDN BHD
81423-HPB
REALTY™

Fiqa Jamal

MEMIMPIN masa depan digital, Universiti Multimedia (MMU) menyediakan lima program baharu bagi kemasukan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada 25 September sehingga 10 Oktober depan.

Lima program baharu tersebut adalah Diploma Bisnes Digital Diploma in Digital Business, Asasi Komunikasi (*Foundation In Communication*), Diploma Hasil Kreatif Digital (*Diploma In Creative Digital Producing*), Diploma Cinematografi (*Diploma in Cinematography*) dan Degree Robotik Inteligent (*Bachelor (Hons) in Intelligence Robotic*).

Timbalan Presiden Strategi Pemasaran, Kemasukan dan Pengambilan Universiti Multimedia (MMU), Zambri Pawanchik berkata selain lima program baharu tersebut, MMU turut menawarkan pelbagai program lain di bawah 10 fakulti di universiti itu.

Katanya, enam fakulti terletak di Kampus Induk di MMU Cyberjaya manakala empat lagi fakulti terletak di kampus Melaka di Bukit Beruang.

"Lima program baharu ditawarkan di MMU dengan mengambil kira permintaan pasaran yang tinggi terhadap penggunaan digital dalam industri, selain membuktikan reputasi kukuh MMU sebagai sebuah universiti Multimedia dengan jalinan kerjasama industri bersama pemain industri seperti ZTE, Huawei, Microsoft, Intel dan banyak lagi."

"MMU merupakan antara universiti perintis menggunakan kajian merangkumi kemahiran dan kepakaran yang berkaitan dengan industri sekaligus mampu melahirkan graduan berdaya saing dalam industri berkaitan."

"Pelbagai kemudahan yang MMU tawarkan kepada pelajar di kampus induk dan kampus Melaka antaranya Makmal pintar dan berteknologi tinggi, perpustakaan digital, suite studio dan pasca pengeluaran, lebih dari 100 kelab dan pertubuhan, prasarana luas, Wi-Fi di seluruh kampus, klinik kesihatan, masjid, keselamatan 24 jam, pusat sukan yang komprehen-

MMU tawar 5 program baharu



ZAMBRI Pawanchik



sif, gimnasium dan kolam renang bersaiz olimpik," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI) menerusi Aplikasi Zoom Meeting.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Strategi Pemasaran MMU, Natalya Rudina Datuk Sham-suar.

Menurut Zambri, antara yang terbaharu dari MMU ialah penawaran yuran tahunan sebanyak RM6,000 untuk semua program asasi (*foundation*) yang ditawarkan tidak termasuk Asasi Perundangan (*Foundation in Law*).

"RM6,000 yuran tahunan bagi program Asasi seperti *Foundation in Communication*, *Foundation in Cinematic Arts*, *Foundation in Creative Multimedia*, *Foundation in Engineer-*

ing, *Foundation in Life Science*, *Foundation in Information Technology*, dan *Foundation in Management*.

"Yuran tahunan tersebut diberi potongan hampir 50 peratus diskaun untuk menarik pelajar mendapatkan pendidikan tertinggi di universiti itu," katanya.

Jelasnya, MMU turut menawarkan berasrama dan bantuan pembiayaan pelajaran dari kerajaan serta mempunyai Yayasan di bawah MMU sendiri bagi pelajar yang terdiri daripada golongan yang kurang berkemampuan.

Untuk info MMU merupakan antara lima universiti swasta terbaik di Malaysia dan 97 peratus daripada graduan MMU mendapat kerja

dalam masa enam bulan.

Selain itu, Kampus Induk MMU Cyberjaya sebesar 808,400 meter persegi menempatkan enam fakulti iaitu Fakulti Management, Creative Multimedia, Cinematic Arts, Computing and Informatics, Engineering dan Applied Communication.

Manakala kampus Melaka dengan keluasan 280,000 meter persegi menempatkan empat fakulti Business, Engineering and Technology, Information Science dan Faculty of Law.

Untuk mendaftar boleh layari www.mmu.edu.my/intake, atau hubungi di talian Hotline: 1300 800 668.



Tiga faktor punca kenaikan harga ayam

Liana Sahabudin

AYER KEROH — Peningkatan harga ayam segar pada minggu lepas, dikaitkan atas tiga faktor seperti kenaikan harga dedak, kos membeli anak ayam serta kekurangan pekerja asing.

Pengusaha ladang ternakan ayam di Alor Gajah, Datuk Jeffrey Ng berkata, itu antara masalah yang terpaksa ditanggung penternak sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

"Masa awal PKP orang tak mahu beli ayam sehingga saya terpaksa jual RM1.70 sekilogram sedangkan kos seekor ayam ini lebih RM4 dan saya terpaksa tanggung kerugian."

"Nak cakap harga dedak naik me-

mang betul...dulu saya beli satu beg 50 kilogram RM90, tapi sekarang mencecah RM120 satu beg. Harga anak ayam pun dulu seekor baru RM1.20 tapi sekarang RM2.10."

"Bila semua naik harga, harga ayam pun akan naik ditambah pula pekerja asing kurang sebab ada yang tak balik Malaysia masa PKP, orang tempatan pula 'demand' gaji, bayar RM1,800 ke RM2,000 pun dia tak nak kerja," katanya ketika dihubungi MHI.

Jeffrey berkata, faktor cuaca juga menyumbang kepada faktor tumbesaran ayam yang perlu mencapai sekitar 2.3 kilogram seekor dalam masa 35 hari.

"Kadang-kadang cuaca tak baik menyebabkan ayam tak sihat, kualiti dedak

pun salah satu punca. Seekor ayam sepertinya dalam masa 35 hari mencecah berat 2.3 kilogram tapi sekarang tak sampai dua kilogram.

"Bila berat ayam kurang, pemberong tak mahu beli dan saya terpaksa jual murah ditambah pula dedak ayam semua kita import dari luar negara," katanya.

Minggu lalu MHI melaporkan terdapat kenaikan harga ayam yang mencecah RM9.80 sekilogram, manakala yang termurah adalah RM5.99.

Bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri telah mengeluarkan notis untuk menyiasat punca kenaikan harga pasaran ayam yang tidak menentu di negeri ini.



KENAIKAN harga dedak antara faktor kenaikan harga ayam segar. Gambar Hiasan

Teladan Setia beli tanah bernilai RM117.89 juta di Melaka



KUALA LUMPUR — Anak syarikat milik penuh Teladan Setia Group Bhd (Teladan Setia), Riverwell Resources Sdn Bhd, akan membeli lima bidang tanah berukuran kira-kira 136.91 hektar di Jasin, Melaka, dengan harga RM117.89 juta daripada Muhibbah Sdn Bhd.

Syarikat pembangunan hartanah yang berpangkalan di Melaka itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia pada 6 Sept lepas berkata, cadangan pengambilalihan itu sejarah dengan strateginya menambah simpanan tanah di lokasi yang mempunyai potensi kukuh.

Ia juga meningkatkan aktiviti pembangunan harta tanahnya untuk menjana pendapatan mampan jangka panjang.

Kedekatan antara pembangunan sedia ada syarikat dan tanah-tanah tersebut akan membolehkan ia memanfaatkan penerimaan pembangunan sedia adanya serta ekonomi bidangan, kerana syarikat itu telah membuat pelaburan bagi jalan masuk dan infrastruktur pembangunan sedia adanya.

"Oleh itu, cadangan pengambilalihan itu memberikan prospek yang baik kepada syarikat kerana ia akan mengukuhkan pembangunan harta tanahnya di Jasin," kata Teladan Setia.

Teladan Setia berkata, RM94.3 juta atau 80 peratus daripada bayaran pembelian dijangka dibiayai daripada pinjaman bank manakala baki lebih RM23.6 juta atau 20 peratus akan dibiayai menerusi dana dalamam serta hasil daripada tawaran awam permulaan syarikat.

- BERNAMA

Selamat menyambut

HARI MALAYSIA 2021

LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA



Setulus Ikhlas Daripada,



Datuk Bandar, Yang Dipertua,
Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan
Serta Seluruh Warga Kerja Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka

Sukan

MELAKA HARI INI



MUFC cabar kejuaraan musim depan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KELAB Bolasepak Melaka United (MUFC) melaungkan amaran awal sedia mencabar kejuaraan Liga Super musim depan selepas menjamin tempat untuk saingan liga kompetitif itu minggu lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif MUFC, Datuk Wira Justin Lim Hwa Tat berkata, pihaknya kini sedang merangka persiapan kelab dengan menetapkan beberapa perancangan dalam misi menjadikan skuad Hang Tuah lebih kompetitif.

Katanya, cabaran pertama untuk pasukan selepas ini ialah memberikan kejutan dalam saingan Piala Malaysia tidak lama lagi.

"Kita sedar Melaka United tidak lagi muncul sebagai pasukan pencabar kejuaraan dalam saingan bolasepak domestik seperti saingan Liga Super, Piala Malaysia dan Piala

FA sejak kali terakhir muncul Juara Liga Premier pada 2016.

"Kini sudah tiba masanya untuk kemunculan semula Skuad Hang Tuah yang lebih berdaya saing dan kompetitif."

"Saya percaya pasukan ini mampu mendapatkan tempat terbaik dalam Liga Super (musim depan) serta memberikan saingan dan mendapat keputusan positif di Piala Malaysia 2021 kelak," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Justin memaklumkan, bagi mengelakkkan skrip sama berulang membabitkan Melaka United, pihaknya akan melakukan beberapa penambah baikan drastik untuk memacu kelab itu ke satu tahap yang lebih baik.

Menurutnya, antara yang akan dilakukan termasuklah membawa masuk pemain import dan tempatan yang berkualiti di setiap posisi.

"Kami juga berhasrat mengeluarkan sejumlah peruntukan khusus bagi menaik taraf pasukan antaranya menambah baik fasiliti latihan pasukan termasuk peralatan latihan dan sebagainya."

"Pada masa sama, MUFC juga sedang mengadakan perbincangan bersama rakan kerjasama serta pelabur berpotensi yang percaya dan ingin bersama-sama memajukan kelab ini," katanya.

Justeru, beliau mengharapkan sokongan padu yang tidak berbelah bahagi daripada semua pihak khususnya penyokong setia bola sepak Melaka dan rakyat negeri ini agar dapat menjadi 'tulang belakang' buat pasukan.

"Langkah-langkah ini bukan sahaja bagi menaikkan semula nama Melaka United dalam kancah bolasepak tempatan malah ke peringkat antarabangsa pada masa hadapan," katanya lagi.

Syamim selamat jalani pembedahan hernia

PEMAIN Tengah Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC), Ahmad Syamim Yahya telah selamat menjalani pembedahan hernia pada 4 Ogos lalu setelah mengalami kecederaan berkenaan dalam perlawanan Liga Super Malaysia 2021 menentang Terengganu FC.

Pakar Bedah Kolorektal & Umum, Dr. Shankar Gunarasa telah melakukan pembedahan Laparoscopic Transabdominal Preperitoneal Repair (TAPP) ke atas pemain berkenaan di Hospital Pantai Ayer Keroh.

Mengulas mengenai pembedahan, beliau berkata langkah ini adalah yang terbaik khususnya buat atlet sukan yang mengalami kecederaan 'Sports Hernia'.

"Apabila saya bertemu Syamim berkenaan masalah kecederaannya, saya mengesyorkan beliau untuk menjalani pembedahan Laparoskopik kerana ini adalah yang terbaik untuk beliau supaya dapat turun kembali ke padang secepat mungkin."

Setelah hampir sebulan pembedahan, Syamim boleh bergerak seperti biasa namun perlu menjalani latihan rehabilitasi sebelum dapat bermain semula," katanya.

Dr Shankar juga mengulas sekiranya semua berjalan lancar, Syamim dapat bermain semula untuk Melaka United pada kempen Piala Malaysia nanti.

Doktor pasukan Melaka United, Dr. Adeeban Koomar dan Fisio Pasukan, Rozairen Hairudin sedang giat mengaturkan latihan 'Core & Strength Training' untuk pemain ini dalam tempoh pemulihian.

Tahniah diucapkan kepada Dr. Shankar yang telah dianugerahkan Bintang Cemerlang Melaka (BCM) sempena Sambutan Hari Jadi Ke-72, Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.



DR. SHANKAR (KIRI) memantau keadaan Syamim selepas selamat menjalani pembedahan hernia pada 4 Ogos lalu setelah mengalami kecederaan berkenaan dalam perlawanan Liga Super Malaysia 2021 menentang Terengganu FC. FOTO ihsan Dr. Shankar